



MEKANISME **PENGAUDITAN & PENSIJILAN EKSA KENDIRI JPNIN**



**Unit Inovasi Dn Kualiti (UNIQ)
Bahagian Khidmat Pengurusan
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional**
Tarikh Dokumen: 22 Januari 2026

ISI KANDUNGAN

1

1. TUJUAN

1

2. SKOP

1

3. STRUKTUR PELAKSANAAN

3.1 Jawatankuasa Induk EKSA

3.2 Pelantikan Juruaudit EKSA Kendiri

3.3 Kod Etika Juruaudit EKSA Kendiri

5

4. PROSES PENGAUDITAN KENDIRI

4.1 Dua Jenis Audit

4.2 Kategori Juruaudit

4.3 Penentuan Biangan Juruaudit
Dan Tempoh Masa

4.4 Proses Pengauditan

7

5. INSTRUMEN PENILAIAN

8

6. PELAPORAN & PEMANTAUAN

8

7. KITARAN PENAMBAHBAIKAN
BERTERUSAN (KAIZEN)

8

8. RINGKASAN TATACARA
PELAKSANAAN AUDIT KENDIRI

8

9. PENSIJILAN EKSA & EKSA KENDIRI

9.1 Kelayakan

9.2 Tempoh Sah Laku Sijil

10

10. PENTUTUP

LAMPIRAN

Lampiran 1: Borang Pencalonan Juruaudit EKSA Kendiri

Lampiran 2: Surat Pelantikan Juruaudit EKSA Kendiri

Lampiran 3: Sijil Pelantikan Juruaudit EKSA Kendiri

Lampiran 4: Ringkasan Tatacara Pelaksanaan Audit Kendiri

Lampiran 5: Sijil Pengiktirafan EKSA

Lampiran 6: Sijil Pengiktirafan EKSA Kendiri

TAKRIFAN

Bagi maksud pemakaian Mekanisme Pengauditan Dan Pensijilan EKSA Kendiri Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional (JPNIN) ini, takrifan yang berikut diguna pakai:

- a) Agensi Induk Ibu Pejabat JPNIN
- b) Agensi Seliaan Jabatan/Pejabat/Cawangan/Bahagian/Daerah di bawah seliaan Agensi Induk.
- c) EKSA Ekosistem Kondusif Sektor Awam
- d) EKSA Kendiri Ekosistem Kondusif Sektor Awam Kendiri
- e) *Champion* EKSA *Champion* EKSA atau EKSA Kendiri merupakan kakitangan sektor awam yang bertaraf tetap memperolehi sijil pentaulihan daripada MAMPU.
- f) JPNIN Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

1 TUJUAN

Menyediakan Mekanisme Pengauditan Dan Pensijilan EKSA Kendiri di semua Bahagian/Unit di JPNIN bagi memastikan:

- i) Pematuhan kepada standard EKSA;
- ii) Peningkatan kualiti persekitaran kerja;
- iii) Pembudayaan amalan kerja cemerlang secara berterusan; dan
- iv) Persediaan menghadapi audit EKSA peringkat jabatan atau agensi luar.

2 SKOP

Pelaksanaan mekanisme pengauditan dan pensijilain ini meliputi:

- i) Semua Bahagian/Unit di Ibu Pejabat;
- ii) Pejabat Negeri/Bahagian/Daerah;
- iii) Tabika/Taska Perpaduan; dan
- iv) Zon EKSA yang diwujudkan.

3 STRUKTUR PELAKSANAAN

3.1 Jawatankuasa Induk EKSA

- i) **Penaung:** Ketua Pengarah
- ii) **Pengerusi:** Timbalan Ketua Pengarah
- iii) **Fasilitator:** Pengarah BKP
- iv) **Ketua Jawatankuasa Latihan:** Pengarah IKLIN
- v) **Ketua Jawatankuasa Promosi:** Pengarah BK
- vi) **Ketua Jawatankuasa Audit:** Ketua UI

1

vii) **Penyelaras:** Ketua Unit Inovasi & Kualiti

viii) **Ahli:** Ketua Zon/Wakil setiap Bahagian/Unit

3.2

Pelantikan Juruaudit EKSA Kendiri

Menyediakan Mekanisme Pengauditan Dan Pensijilan EKSA Kendiri di semua Bahagian/Unit di JPNIN bagi memastikan:

- i) Dilantik oleh Ketua Pengarah/Jawatankuasa Induk.
- ii) Tempoh pelantikan: 2 tahun.
- iii) Melalui proses seperti berikut:
 - Borang Pencalonan di Lampiran 1.
 - Surat Pelantikan di Lampiran 2.
 - Sijil Pelantikan di Lampiran 3.

3.2.1 Kelayakan Asas

- i) Pegawai atau kakitangan tetap/kontrak di Jabatan;
- ii) Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun di Bahagian/Unit; dan
- iii) Mendapat pengesahan daripada PPB/PPN/Ketua Bahagian/Unit dan sokongan Ketua Jawatankuasa Audit serta kelulusan dari Pengerusi EKSA.

3.2.2 Pengetahuan Dan Kemahiran

- i) Telah menghadiri Kursus/Bengkel Juruaudit atau latihan yang berkaitan seperti diluluskan oleh Jawatankuasa Induk EKSA;
- ii) Memahami prinsip, objektif, dan kriteria Pensijilan EKSA yang ditetapkan;
- iii) Mempunyai pengetahuan asas dalam pengurusan kualiti, 5S, dan penambahbaikan berterusan (Kaizen); dan
- iv) Kemahiran menyediakan laporan penilaian secara objektif dan sistematik.

3.2.3 Ciri Peribadi Dan Sikap

- i) Integriti tinggi, telus, dan tidak mempunyai kepentingan peribadi semasa audit.
- ii) Berkecuali – tidak mengaudit unit/bahagian sendiri bagi mengelakkan konflik kepentingan.
- iii) Disiplin masa – menepati jadual audit dan mampu mengurus tugas dengan baik.
- iv) Teliti, kritis dan analitikal dalam menilai bukti audit.
- v) Berkeyakinan dan berkomunikasi baik semasa temu bual dengan warga kerja.

3.2.4 Keupayaan Profesional

- i) Mampu bekerja secara berpasukan bersama juruaudit lain;
- ii) Berkebolehan mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang penambahbaikan dan cadangan tindakan;
- iii) Berupaya menyampaikan hasil audit dalam bentuk laporan dan pembentangan dengan jelas; dan
- iv) Bersedia menerima teguran dan sentiasa proaktif dalam penambahbaikan

3.3 Kod Etika Juruaudit EKSA Kendiri

Kod etika ini bertujuan untuk memastikan juruaudit EKSA Kendiri:

- i) Menjalankan audit secara profesional, adil, telus dan berintegriti;
- ii) Memberi teguran membina untuk penambahbaikan; dan
- iii) Menjaga kerahsiaan maklumat serta integriti organisasi.

3.3.1 Prinsip Asas Juruaudit EKSA

- i) Integriti – Jujur, Amanah dan tidak dipengaruhi kepentingan peribadi.
- ii) Objektiviti – Menilai berdasarkan fakta, bukti dan kriteria EKSA, bukan pandangan peribadi.
- iii) Profesionalisme – Menjalankan audit dengan etika, sopan dan hormat.
- iv) Kerahsiaan – Tidak mendedahkan maklumat sulit organisasi tanpa kebenaran.
- v) Ketelusan – Teguran dibuat secara jelas, terbuka, berhemah dan membina.

3.3.2 Perkara Yang Perlu Dilaksanakan (Do)

- i) Bersikap profesional, adil dan saksama ketika mengaudit;
- ii) Berpegang pada kriteria dan garis panduan EKSA yang ditetapkan;
- iii) Melaksanakan audit berdasarkan bukti, pemerhatian dan dokumen sokongan;
- iv) Menyediakan laporan audit yang tepat, jelas, ringkas dan mudah difahami;
- v) Menegur dengan cara berhemah dan memberi cadangan penambahbaikan;
- vi) Menjaga imej jabatan dan organisasi semasa menjalankan audit;
- vii) Menepati masa, jadual dan prosedur audit yang telah ditetapkan; dan
- Viii) Sentiasa mengemas kini ilmu dan pengetahuan berkaitan EKSA.

3.3.3 Perkara Yang Perlu Dielakkan (Don't)

- i) Menggunakan kedudukan sebagai juruaudit untuk kepentingan peribadi;
- ii) Membuat penilaian berdasarkan emosi, pilih kasih atau sentimen peribadi;
- iii) Mendedahkan maklumat sulit organisasi kepada pihak tidak berkaitan;

- iv) Memberi teguran secara kasar, menjatuhkan maruah atau memperlekeh warga kerja;
- v) Mengubah, memalsukan atau mengabaikan bukti audit;
- vi) Melengah-lengahkan proses audit atau gagal menyerahkan laporan dalam tempoh ditetapkan;
- vii) Bersikap sambil lewa atau tidak serius semasa menjalankan audit; dan
- Viii) Menggunakan audit sebagai medium untuk mencari kesalahan semata-mata tanpa memberi penyelesaian.

4 PROSES PENGAUDITAN KENDIRI

4.1 Dua Jenis Audit

- a) **Audit Dalam**
Aktiviti untuk mendapatkan bukti pelaksanaan dan pematuhan terhadap komponen-komponen EKSA/EKSA Kendiri oleh Agensi Induk/Agensi seliaan.
- b) **Audit Pensijilan**
Aktiviti untuk mendapatkan bukti pelaksanaan dan pematuhan terhadap komponen-komponen EKSA/EKSA Kendiri oleh Agensi Luar/Champion kepada Agensi Induk atau Agensi Seliaan bagi tujuan mendapatkan pensijilan.

4.2 Kategori Juruaudit

- a) **Juruaudit Dalam**
Dilantik dalam kalangan warga agensi termasuk Champion EKSA dan EKSA Kendiri oleh Agensi Induk/Agensi Seliaan bagi menjalankan audit dalam di Agensi Induk/Agensi Seliaan.
- b) **Juruaudit Luar**
 - i) Dilantik oleh Agensi Induk untuk menjalankan audit dalam (EKSA dan EKSA Kendiri) atau audit pensijilan (EKSA Kendiri).
 - ii) Dilantik oleh Agensi Seliaan untuk menjalankan audit dalam (EKSA Kendiri).

4.3

Penentuan Bilangan Juruaudit Dan Tempoh Masa

Bilangan juruaudit dan tempoh masa (hari) yang diperlukan untuk tujuan pengauditan tertakluk kepada bilangan zon EKSA/EKSA Kendiri di Agensi Induk/Agensi Seliaan. Cadangan penentuan ialah seperti di Jadual 1:

Jadual 1: Penentuan Bilangan Juruaudit dan Tempoh Masa

Bil.	Bilangan Zon EKSA	Bilangan Juruaudit	Tempoh Masa (Hari)	Catatan
1	1-10	1-2	3	Sekiranya terdapat zon yang terletak di lokasi/bangunan yang berbeza, penambahan juruaudit boleh dipertimbangkan.
		2-3	2	
2	11-20	1-2	4	Sebarang pindaan tertakluk kepada perubahan semasa dan mengikut kesesuaian terutamanya di Sabah dan Sarawak.
		3-4	3	
3	21-30*	1-3	4	
		3-5	3	

*Agensi Induk/Agensi Seliaan Adalah tidak digalakkan untuk mewujudkan melebihi 30 bilangan zon EKSA.

4.4

Proses Pengauditan

a) Perancangan Audit

- Jadual audit sendiri ditetapkan 2 kali setahun (Jun & November) atau mengikut ketetapan Jawatankuasa Induk EKSA.
- Notis audit dikeluarkan kepada semua zon sekurang-kurangnya 2 minggu sebelum tarikh audit.

b) **Pelaksanaan Audit**

- i) Juruaudit menilai berdasarkan Instrumen Penilaian EKSA Jabatan.
- ii) Melibatkan pemeriksaan dokumen, fizikal ruang kerja, inovasi, kitar semula, sudut hijau dan penjenamaan.

c) **Laporan Audit**

- i) Disediakan oleh Ketua Juruaudit dalam tempoh 14 hari selepas audit;
- ii) Mengandungi skor, kekuatan, kelemahan dan cadangan penambahbaikan; dan
- iii) Diserahkan kepada Jawatankuasa Induk EKSA.

d) **Tindakan Susulan**

- i) Ketua Zon perlu menyediakan Pelan Tindakan Penambahbaikan dalam tempoh 30 hari selepas laporan audit diterima;
- ii) Jawatankuasa Induk memantau pelaksanaan tindakan tersebut; dan
- iii) Jawatankuasa Induk membenteng dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan.

5 INSTRUMEN PENILAIAN

Instrumen penilaian berdasarkan Panduan Pelaksanaan EKSA yang diluluskan oleh JPNIN merangkumi elemen utama seperti berikut

- i) Keperluan Utama Pelaksanaan
- ii) Ruang Tempat Kerja/Pejabat
- iii) Tempat Umum
- iv) Keselamatan Persekitaran
- v) Kawasan Persekitaran Pejabat
- vi) Tempat-Tempat Khusus (Sesuai Mengikut Keperluan Agensi)

6 PELAPORAN DAN PEMANTAUAN

- i) Laporan audit sendiri dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA;
- ii) Skor zon akan direkodkan dalam Sistem Pemantauan EKSA Jabatan;
- iii) Zon cemerlang diberikan pengiktirafan dalaman (contoh: Anugerah Zon Terbaik EKSA); dan
- iv) Laporan dibentang dalam Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Jabatan.

7 KITARAN PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN (KAIZEN)

- i) Audit sendiri dilaksanakan secara berkala;
- ii) Zon diminta melaksanakan projek inovasi/penambahbaikan setiap tahun; dan
- iii) Peningkatan skor dari masa ke masa menjadi petunjuk keberkesanan EKSA Kendiri.

8 RINGKASAN TATACARA PELAKSANAAN AUDIT KENDIRI

Rujuk Lampiran 4

9 PENSIJILAN EKSA DAN EKSA KENDIRI

9.1 Kelayakan

- a) Pensijilan EKSA seperti di Lampiran 5 dan 6 diberikan kepada semua pejabat JPNIN dan premis dibawahnya seperti yang berikut:
 - i. Ibu Pejabat JPNIN
 - ii. JPNIN Negeri
 - iii. JPNIN Bahagian/Daerah

8

- iv. Tabika Perpaduan
- v. Taska Perpaduan
- vi. Premis yang berkaitan

- b) Pensijilan akan dikeluarkan kepada pejabat/premis berkaitan yang berjaya memperolehi markah purata 80% ke atas. Pecahan markah bagi pensijilan adalah seperti di Jadual 2:

Jadual 2: Pecahan Markah

Markah	Kategori Sijil
90.0 % – 100%	Cemerlang
80.0% - 89.9%	Baik

9.2

Tempoh Sah Laku Sijil

7

- a) Tempoh sah laku sijil EKSA adalah selama dua tahun dan tarikh ini dipaparkan dalam sijil EKSA.
- b) Pejabat/premis yang berkaitan boleh memohon pembaharuan/diaudit semula bagi sijil EKSA daripada Ibu Pejabat JPNIN, satu bulan sebelum tarikh tamat tempoh sah laku sijil.
- c) Sekiranya pejabat/premis yang berkaitan berpindah lokasi bangunan atau penempatan asal tempat sesi pengauditan dibuat, pejabat/premis yang berkaitan boleh membuat permohonan/diaudit bagi sesi pengauditan semula mengikut lokasi yang baharu. Sijil EKSA yang terdahulu ditamatkan dan Sijil EKSA yang baharu dikeluarkan berdasarkan kepada hasil pengauditan di Lokasi baharu.
- d) Pejabat/premsi yang berkaitan perlu mengemukakan laporan audit dalam yang dibuat sebanyak 2 kali serta mencapai purata markah 80.0% ke atas selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh pengauditan yang dicadangkan.

10 PENUTUP

Pelaksanaan Mekanisme Pengauditan dan Pensijilan EKSA Kendiri ini merupakan usaha berterusan JPNIN dalam memastikan budaya kerja yang kondusif, sistematik dan berkualiti dapat dilestarikan di setiap bahagian, unit serta zon EKSA di seluruh jabatan.

Pendekatan pengauditan kendiri bukan sahaja berperanan sebagai alat penilaian dalaman, tetapi juga sebagai platform penambahbaikan berterusan (Kaizen) yang menggalakkan penglibatan menyeluruh warga jabatan dalam mengekalkan persekitaran kerja yang kemas, tersusun dan produktif.

Diharapkan mekanisme ini dapat dijadikan panduan dan rujukan rasmi oleh semua warga JPNIN dalam melaksanakan audit serta pensijilan EKSA Kendiri secara konsisten dan berintegriti. Dengan komitmen dan kerjasama berpasukan yang padu, Jabatan akan dapat mencapai kecemerlangan organisasi dan visi untuk memperkukuh perpaduan nasional melalui persekitaran kerja yang harmoni dan profesional.

BORANG PENCALONAN JURUAUDIT EKSA KENDIRI



Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

BORANG PENCALONAN JURUAUDIT EKSA

A. Maklumat Calon

Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 Jawatan : _____
 Bahagian/Unit : _____
 Tempoh Perkhidmatan : _____

B. Kriteria Penilaian

(Sila tandakan ✓ pada ruangan berkenaan)

Bil	Kriteria	Ya	Tidak
1	Pegawai tetap/kontrak dan berkhidmat sekurang-kurangnya 1 tahun		
2	Mendapat sokongan Ketua Bahagian/Unit		
3	Pernah menghadiri Kursus/Bengkel EKSA		
4	Memahami konsep & kriteria EKSA/5S		
5	Mempunyai integriti dan bersikap telus		
6	Berkebolehan berkomunikasi dengan baik		
7	Teliti, kritis dan analitikal semasa menilai		
8	Boleh bekerja secara berkumpulan		
9	Berkebolehan menyediakan laporan audit		
10	Tiada konflik kepentingan dalam unit diaudit		

C. Pengesahan Ketua Bahagian/Unit

☐ Mengesahkan ☐ Tidak Mengesahkan

Ulasan Ketua Bahagian/Unit:

.....

Nama Ketua Bahagian/Unit: _____

Tandatangan: _____ Tarikh: _____

D. Keputusan Ketua Juruaudit

☐ Disokong ☐ Tidak Disokong

Ulasan Ketua Juruaudit:

.....
.....
.....

Tandatangan Ketua Juruaudit : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

E. Keputusan Pengerus EKSA

☐ Meluluskan ☐ Tidak Meluluskan

Ulasan Pengerusi EKSA:

.....
.....
.....

Tandatangan Pengerusi EKSA : _____

Nama : _____

Jawatan : _____

Tarikh : _____

SURAT PELANTIKAN JURUAUDIT EKSA KENDIRI



JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
 DEPARTMENT OF NATIONAL UNITY AND INTEGRATION
 KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
 MINISTRY OF NATIONAL UNITY
 ARAS 7-10, BLOK E2, KOMPLEKS E
 LEVEL 7-10, BLOCK E2, COMPLEX E
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
 FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
 62502 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Telefon : 03-8883 7000
 Faks : 03-8888 8584
 Laman web : www.perpaduan.gov.my

Ruj. Kami : [No. Rujukan Jabatan]
 Tarikh : [Tarikh Surat]

[Nama Pegawai]
 [No Kad Pengenalan]

Tuan/Puan,

PELANTIKAN SEBAGAI JURUAUDIT EKSA JABATAN

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa tuan/puan telah dilantik sebagai Juruaudit EKSA di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional berkuat kuasa mulai [tarikh kuat kuasa] sehingga [tarikh tamat].

3. Sebagai juruaudit, tuan/puan adalah bertanggungjawab untuk:

- Menjalankan aktiviti audit EKSA mengikut jadual yang ditetapkan.
- Memastikan penilaian dilaksanakan secara objektif, telus dan beretika.
- Menyediakan laporan audit dan mengemukakan cadangan penambahbaikan.
- Menjaga kerahsiaan segala maklumat yang diperolehi sepanjang proses audit.

4. Diharapkan pelantikan ini dapat membantu Jabatan dalam memperkukuhkan budaya EKSA secara berterusan demi mencapai kecemerlangan organisasi. Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan Amanah,

.....

[NAMA]

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

SIJIL PELANTIKAN JURUAUDIT EKSA KENDIRI



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Sijil Pelantikan

Adalah dengan ini disahkan bahawa

[NAMA]
[NO KAD PENGENALAN]

telah DILANTIK sebagai

**JURUAUDIT
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Berkuat kuasa mulai

01 JANUARI 2026 SEHINGGA 31 DISEMBER 2027

**dan bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas
pengauditan EKSA mengikut garis panduan yang telah
ditetapkan oleh Jabatan.**



[TANDATANGAN]

[NAMA]
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
RUJ: JPN.01/531/2/06 JLD.4 (48)

**RINGKASAN TATACARA PELAKSANAAN
AUDIT KENDIRI**

Langkah	Perkara Utama	Tanggungjawab	Kekerapan/Tempoh
Pelantikan Jawatankuasa & Juruaudit	Menubuhkan Jawatankuasa Induk EKSA dan melantik Juruaudit Kendiri	Ketua Pengarah / Jawatankuasa Induk	Setiap 2 tahun
Perancangan Audit	Menetapkan jadual audit/audit sendiri dan memaklumkan zon/Negeri terlibat	Ketua Juruaudit/Unit Inovasi & Kualiti	2 kali setahun (Jun & Nov)
Pelaksanaan Audit	Menjalankan audit berdasarkan Instrumen Penilaian EKSA	Juruaudit Kendiri	Mengikut jadual
Laporan Audit	Menyediakan laporan penilaian, skor dan cadangan penambahbaikan	Ketua Juruaudit	14 hari selepas audit
Tindakan Susulan	Menyediakan pelan tindakan susulan untuk kelemahan yang dikenal pasti	Pengerusi/Ketua Zon	30 hari selepas laporan diterima
Pemantauan & Kaizen	Memantau pelaksanaan tindakan susulan dan melaksanakan penambahbaikan berterusan	Jawatankuasa Induk/Ketua Juruaudit/ Semua Zon	Berterusan

SIJIL PENGIKTIRAFAN EKSA



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

**IBUPEJABAT
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

telah memenuhi keperluan kriteria komponeni

**EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM
(EKSA)**

Kategori: CEMERLANG

**Tarikh Dikeluarkan : [TARIKH]
Sah Sehingga : [TARIKH]**



[TANDATANGAN]

**[NAMA]
Ketua Pengarah
Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
RUJ: JPN.01/531/2/06 JLD.4 (48)**

SIJIL PENGIKTIRAFAN EKSA KENDIRI



**KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL**

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

**JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

telah memenuhi keperluan kriteria kompeni

**EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)
KENDIRI**

Kategori: CEMERLANG

Tarikh Dikeluarkan : [TARIKH]

Sah Sehingga : [TARIKH]



[TANDATANGAN]

[NAMA]

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional

RUJ: JPN.01/531/2/06 JLD.4 (48)

Sumber Rujukan

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. (2025). *Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam 2025*. JPNIN.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2015). *Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam*. MAMPU.

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia. (2022). *Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 1 Tahun 2022: Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA): Garis panduan mekanisme pelaksana EKSA dan EKSA sendiri*. MAMPU.

